



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KECERDASAN BUATAN (AI) DAN PENDIGITALAN MEMACU REVOLUSI PERSEKITARAN KERJA LEBIH SELAMAT

Shah Alam, 2 Oktober 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menganjurkan Majlis Penutup Sambutan dan Seminar Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH Day) 2025 dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan bertempat di Institut Kesihatan Negara (NIH), Setia Alam. Program yang berlangsung selama **dua (2)** hari ini berjaya **menghimpunkan lebih 500 peserta** yang terdiri daripada petugas kesihatan, pembuat dasar, ahli akademik dan rakan strategik dari seluruh negara.

Dengan tema “**Merevolusikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Peranan Kecerdasan Buatan (AI) dan Pendigitalan di Tempat Kerja**”, seminar ini memberi fokus kepada bagaimana **inovasi teknologi** boleh **meningkatkan perlindungan keselamatan, mencegah penyakit pekerjaan, serta mengurangkan risiko di tempat kerja**.

Statistik tahun 2024 menunjukkan sebanyak **5,617 notifikasi kemalangan, kejadian berbahaya dan penyakit pekerjaan direkodkan**. Daripada jumlah ini, **2,836 kes** melibatkan kemalangan di tempat kerja dan semasa berulang-alik, **1,687 kes** kecederaan tusukan jarum, manakala penyakit pekerjaan termasuk dermatitis, tuberkulosis dan kehilangan pendengaran akibat bunyi bising turut dilaporkan.

Fakta ini bukti jelas bahawa petugas kesihatan sentiasa terdedah kepada pelbagai risiko di tempat kerja, **tetapi boleh dicegah dan dikawal** melalui **pengurusan kesihatan pekerjaan yang berkesan**. Antara syarat penting untuk memastikan pengurusan tersebut berjalan dengan baik adalah penyediaan perkhidmatan kesihatan pekerjaan khusus untuk petugas kesihatan.

Justeru pelancaran **Garis Panduan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan di Fasiliti KKM (GP PKP)** pada hari ini sangat bertepatan bagi memastikan pengurusan kesihatan pekerjaan dapat diperkasakan. Garis panduan ini menjadi tonggak penting dalam memperkukuh perkhidmatan kesihatan

pekerjaan dan berfungsi sebagai **rujukan komprehensif** bagi melindungi hampir **300,000 warga kerja KKM** yang terdedah kepada **risiko biologi, kimia, fizikal, ergonomik dan psikososial**.

Keupayaan Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan (PKP) di KKM kini merangkumi **61 fasiliti kesihatan** di seluruh negara, dengan **57 fasiliti** menempatkan **Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD)** secara khusus untuk melaksanakan fungsi utama perkhidmatan ini. Keupayaan tersebut turut diperkukuh dengan **aset klinikal** yang terdiri daripada **28 unit audiometer** (dengan 17 pusat diiktiraf sebagai Audiometric Test Centre, ATC) serta **37 unit spirometer**.

Perkhidmatan Kesihatan Pekerjaan juga **diintegrasikan** dengan **Inisiatif Kesihatan Paru-paru** (Lung Health Initiative, LHI) yang menggunakan **teknologi X-ray dada berasaskan kecerdasan buatan (AI)**. Inisiatif ini membolehkan pengesanan awal penyakit paru-paru berkaitan pekerjaan seperti tuberkulosis serta kanser paru-paru. Setakat ini, ia telah dilaksanakan di **tujuh (7) klinik kesihatan** dan **akan diperluaskan ke 150 klinik** menjelang **tahun 2026**.

Aktiviti OSH Day 2025 turut merangkumi sesi plenari mengenai pencegahan kecederaan tusukan jarum, aspek perundangan OSH, penggunaan analisis data AI, keselamatan makmal, serta latihan kemahiran promosi OSH. Selain 18 reruai meliputi agensi kerajaan, NGO, universiti dan pihak swasta, turut diadakan **penyampaian anugerah** bagi **mengiktiraf kecemerlangan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan**.

Sehubungan itu, KKM menyeru semua pihak untuk berganding bahu dalam memperkukuh budaya kerja selamat dan sihat, selain memacu AI dan teknologi digital bagi meningkatkan keberkesanan intervensi keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Ini selaras dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta dan Ihsan*.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

